

# Malaysia tak bantah tindakan Taiwan tangguh pelaburan China Steel ke sini

U.M. 76 APR 1992

MELAKA 15 April - Malaysia tidak membantah tindakan Dewan Parlimen Taiwan yang menangguhkan sementara pelaburan besi waja, China Steel ke negara ini, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, beliau kecewa dengan keputusan itu walaupun ia merupakan hak negara tersebut untuk berbuat begitu.

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika ditanya oleh seorang ahli Parlimen Taiwan tentang tindakan negaranya menangguhkan sementara pelaburan bernilai \$6 bilion itu ke negara ini.

Sesi dialog dengan pelabur

Taiwan yang merupakan di luar jadual atur cara Perdana Menteri itu diadakan selepas pelancaran buku *The Historic City of Malaysia* di Graha Makmur, petang ini.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan mengalu-alukan pelaburan China Steel itu dan sedia membantu dan memberi sokongan sekiranya diperlukan.

Katanya, kerajaan juga sedia berunding dengan Kerajaan Taiwan jika perlu untuk menjayakan pelaburan China Steel di sini.

Sementara itu, seorang lagi ahli Parlimen Taiwan, Wu Der Mei berkata, tindakan penangguhan sementara negara itu kerana tidak jelas dengan soal pentadbir-

an, permit, insentif dan buruh negara ini.

Ahli Parlimen itu mencadangkan supaya negara ini menubuhkan sebuah jawatankuasa tertinggi untuk membincangkan soal tersebut.

Mengenai soalan lain dari salah seorang pelabur pula, Perdana Menteri berkata, kerajaan pada dasarnya tidak menggalakkan rakyat negara ini bekerja ke luar negara kerana negara ini kekurangan pekerja.

Bagaimanapun, katanya, terdapat juga rakyat negara ini yang bekerja di negara luar.

Katanya, terpulanglah kepada negara yang mereka bekerja untuk menerima mereka.